

DARI REJAL ARBEE

1982

NEW YORK, 1 OKT KBERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MEMBERITAHU AHLI-AHLI PERNIAGAAN AMERIKA DI SINI BAHAWA MALAYSIA MENJADI LEBIH STABIL DAN MENGALAMI PERTUMBUHAN EKONOMI YANG LEBIH PESAT SEJAK PELANCARAN DASAR EKONOMI BARU PADA 1970.

BELIAU BERKATA KESTABILAN POLITIK SEKARANG MERUPAKAN YANG TERBAIK PERNAH DIALAMI SEMENTARA PERTUMBUHAN EKONOMI PULA ADALAH LEBIH BAIK DARI ZAMAN SEBELUM DEB.

AKHIR-AKHIR INI, BAGAIMANAPUN, PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA TERJEJAS SEDIKIT AKIBAT KEMELESETAN EKONOMI DUNIA. PERTUMBUHAN TAHUN INI DIJANGKA HANYA DI SEKITAR 4 - 1/2 PERATUS BERBANDING DENGAN KADAR TAHUNAN LAPAN PERATUS SEBELUM INI, KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYATAKAN HAL INI DALAM PERBINCANGAN TIDAK RASMI SEMASA MAKAN TENGAH HARI DENGAN KIRA-KIRA 30 PEMIMPIN DALAM PELBAGAI LAPANGAN PERNIAGAAN AMERIKA DI HOTEL PLAZA DI SINI SEMALAM (HARI INI DI MALAYSIA).

BELIAU BERKATA MALAYSIA TELAH MEMBUKTIKAN SALAHNYA RAMALAN-RAMALAN BURUK TERHADAPNYA DENGAN MENUNJUKKAN PERTUMBUHAN EKONOMI YANG LEBIH BAIK SELEPAS PERISTIWA 13 MEI 1969. -- LAGI 1036/PA

B509

MAHATHIR - EKONOMI 2 NEW YORK R'R'R'R'R

BELIAU BERKATA DI KUALA LUMPUR SAHAJA LEBIH DUA PERTIGA DARIPADA PEMBINAAN BANGUNAN-BANGUNAN TINGGI DILAKSANAKAN SELEPAS 1969.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA INI MENUNJUKKAN BAHAWA PERISTIWA TERSEBUT TIDAK MENJEJASKAN KEADAAN POLITIK DAN EKONOMI NEGARA TETAPI SEBALIKNYA MENYEDARKAN RAKYAT TENTANG PENTINGNYA MEREKA MENYESUAIKAN DIRI DENGAN KEADAAN EKONOMI YANG BERBEZA ANTARA KAUM DAN USAHA KERAJAAN UNTUK MERAPATKAN JURANG PERBEZAAN ITU.

PERDANA MENTERI MENGHURAIKAN USAHA-USAHA KERAJAAN UNTUK MENGATASI MASALAH PERBEZAAN DARI SEGI KEKAYAAN DI KALANGAN PELBAGAI KAUM SEMENTARA PADA MASA YANG SAMA CUBA MENGHAPUSKAN KEMISKINAN TANPA MENGIRA KAUM.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJELASKAN BAHAWA PERBEZAAN ITU TELAH DITIMBULKAN OLEH KUASA PENJAJAH BRITISH. PERBEZAAN ITU, KATANYA, BUKAN SAHAJA DARI SEGI KEKAYAAN TETAPI JUGA DALAM BENTUK PEMISAHAN FIZIKAL DI KALANGAN KAUM-KAUM.

OLEH YANG DEMIKIAN BIBIT-BIBIT PERMUSUHAN ANTARA KAUM SUDAH PUN TERDAPAT DI MALAYSIA. -- LAGI 1046/PA

MAHATHIR - EKONOMI 3 NEW YORK R'R'R'R'R

BERIKUTAN DENGAN PERISTIWA ITU KERAJAAN MENGGUBAL SATU DASAR BARU UNTUK MENCEGAH BERULANGNYA DAN DENGAN ITU MELANCARKAN DEB BERTUJUAN MEMUJUDKAN SEBUAH MASYARAKAT YANG LEBIH SAKSAMA, KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN MEMBERI TEMPOR 20 TAHUN SEHINGGA 1990 UNTUK MENCAPAI MATLAMAT 30 PERATUS PENYERTAAN BUMIPUTERA DALAM KEGIATAN EKONOMI NEGARA.

BELIAU BERKATA DALAM SETENGAH-SETENGAH SEKTOR SEPERTI BANK, PERLADANGAN DAN PERLOMBONGAN MATLAMAT ITU TELAH DICAPAI SEMENTARA DALAM SEKTOR LAIN TIDAK BANYAK PERUBAHAN DIBUAT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MATLAMAT 30 PERATUS PENYERTAAN BUMIPUTERA ITU ADALAH BERASASKAN KEPADA ANGKA KESELURUHAN. INI BERMAKNA DALAM BIDANG-BIDANG TERTENTU PENYERTAAN BUMIPUTERA MUNGKIN LEBIH DARIPADA 30 PERATUS SEMENTARA DALAM BIDANG LAIN MUNGKIN KURANG DARIPADA ITU.

DITANYA MENGENAI DASAR MEMANDANG KE TINJAU, PERDANA MENTERI BERKATA TUJUAN UTAMANYA IALAH UNTUK MEMPELAJARI FAKTOR-FAKTOR YANG MENYEBABKAN NEGERI JEPUN DAN KOREA. BEGITU BERJAYA. -- LAGI 1100/PA

MAHATHIR - EKONOMI 4 NEW YORK 2'2'2'2'

DITANYA OLEH SEORANG DARIPADA AHLI-AHLI PERNIAGAAN AMERIKA ITU SAMA ADA MALAYSIA MERANCANG UNTUK MELABUR DI AMERIKA SYARIKAT, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA:

+YA, JIKA KAMI MEMPUNYAI WANG YANG BERLEBIHAN. PADA MASA INI BANK NEGARA AGAK CEREWET DALAM PERKARA INI KERANA IA TIDAK SUKA TERLALU BANYAK WANG MENGALIR KELUAR.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MALAYSIA MUNGKIN INGIN MEMBELI BEBERAPA SYARIKAT AMERIKA +TETAPI ANDA MEMPUNYAI UNDANG-UNDANG YANG BEGITU KETAT YANG MENYULITKAN KAMI UNTUK BERBUAT DEMIKIAN.+

+KAMI TELAH MEMBELI SEBUAH SYARIKAT BRITISH BARU-BARU INI DAN ANDA SENDIRI TAHU BERAPA BANYAK MASALAH YANG TIMBUL ANTARA KAMI DENGAN PIHAK BRITISH, +KATANYA.

+MEMANDANGKAN YANG KAMI INGIN TERUS BERSAHABAT DENGAN AMERIKA SYARIKAT, SAYA RASA TIDAK USAHLAH KAMI FIKIR TENTANG MEMBELI SYARIKAT AMERIKA, TIDAK PADA WAKTU INI.+

TURUT HADIR DALAM MAJLIS MAKAN TENGAH HARI ITU IALAH MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN TENGGU AHMAD RITHAUDDEEN.
-- BERNAMA 1134/PA